



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 18 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

## Bina muka sauk kedua, selesai krisis air Papar

**PAPAR** – Pembinaan muka sauk kedua membatikan dua loji rawatan air (LRA) antara langkah penyelesaian jangka masa panjang dalam menangani krisis masalah air melibat daerah Papar yang sudah berlarutan hampir dua bulan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup merangkap Ahli Parlimen Papar, Datuk Armizan Mohd. Ali berpendapat, cadangan berkenaan adalah amat perlu sebagai inisiatif sekiranya muka sauk yang sedia ada di kedua-dua LRA terbabit menghadapi masalah sehingga mengganggu penyaluran bekalan air terawat kepada penduduk.

"Musim kemarau di Papar sudah hampir dua bulan, malahan keadaan ini dijangka berterusan sehingga hujung Mac ini. Selain itu, situasi semakin buruk dengan adanya kesan daripada fenomena El Nino.

"Cuaca panas dan kering mengakibatkan operasi LRA Limbahau bagi merawat air bersih terpaksa dihentikan sejak 17



**ARMIZAN** (kiri) menyampaikan sumbangan pada Program Jualan Rahmah Ramadan dan Bazar Ramadan Rahmah di Papar kelmarin.

Februari lalu dan ia sekali gus memberi kesan kepada lebih 50,000 penduduk.

"Oleh itu, saya melihat perlu untuk kita mewujudkan alternatif kepada muka sauk sedia

Mengulas lanjut, Armizan menyatakan masalah LRA juga pernah berlaku pada tahun lalu di mana operasi terpaksa dihentikan sementara selama 26 hari akibatnya isu sama iaitu kadar kerapatan air melebihi piawaian untuk rawatan.

Menurut beliau, pihak berkaitan menerusi penelitian yang dibuat mendapati Kampung Kabang dalam daerah sama merupakan kawasan yang bersesuaian bagi pelaksanaan pembinaan muka sauk kedua sebagai alternatif.

"Cadangan ini menelan kos kira-kira RM20 juta dan perkara itu sudah dinyatakan kepada Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Ir. Shahelmey Yahya.

"Selain itu, saya juga akan bawa perkara ini kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor dalam masa terdekat.

"Kita meletakkan harapan agar kerajaan negeri memberikan pertimbangan khas untuk projek ini agar ia dapat dilaksanakan segera," katanya.

## Stoking tertera kalimah ALLAH diimport dari China

KUALA LUMPUR - Penjualan stoking berjenama MiranoSock yang tertera kalimah ALLAH SWT di beberapa kedai rangkaian serbaneka, KK Supermart & Superstore Sdn Bhd (KK Super Mart) adalah produk konsainan pihak vendor dan diimport dari China.

Pengasas KK Super Mart, Datuk Seri Dr KK Chai berkata, pengurusan produk itu dibuat sepenuhnya oleh pembekal menerusi sistem sewaan tempat dalam kedai terbabit tanpa pemantauan pekerja di pihaknya.

"Hasil pemeriksaan terhadap 800 cawangan KK Super Mart di seluruh negara mendapat hanya tiga premis ada stoking terbabit dan 14 pasang tertera kalimah ini malah satu laporan polis di Balai Polis Sungai Besi telah dibuat pada Khamis.

"Surat penjelasan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup,

Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) juga disediakan.

"Pihak syarikat tidak mempunyai sebarang agenda untuk mengganggu ketenteraman awam seperti diperkatakan komuniti, maka saya dengan rendah diri memohon maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media bagi memberi penjelasan mengenai isu tular penjualan stoking tertera kalimah ALLAH SWT di Menara KK di sini pada Sabtu. Hadir sama, pemilik syarikat vendor, Xin Jian Chang Sdn Bhd, Soh Chin Huat.

Dalam pada itu, Chin Huat turut tampil memohon maaf berikutan tidak membuat pemeriksaan rapi terhadap produk tersebut sebelum mengedarkan di rangkaian runcit terbabit.



KK Chai (dua dari kanan) dan Chin Huat (dua dari kiri) tampil memohon maaf secara terbuka ketika sidang media di Menara KK, Kuala Lumpur, pada Sabtu.

# Perlu ada kaedah lebih baik bantu rakyat

**A**lli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kesisiand, Alex Seah Shoo Chin berharap kerajaan persekutuan dapat mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat pada ketika ini.

Jelas beliau, pada ketika ini kerajaan

tidak pernah meminggirkan rakyat dan berusaha keras dengan mewujudkan Juulan Rahmah dan Juulan Agro MADANI.

Ia diperluaskan ke daerah-daerah di Melaka bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup rakyat. Tidak ketinggalan, Juulan Ihsan Ramah Back To School,

ikut temu bual wartawan Sinar Harian, NOR FARHANA YAACOB bersama Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Melaka itu yang berkongsi usaha-usaha dilakukannya dalam menangani permasalahan rakyat.

**SINAR HARIAN:** Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang menjadi seorang wakil rakyat?



**ALLEX:** Saya masih ingat lagi ketika itu, mengenangkan masalah rakyat yang perlu diberikan perhatian tetapi pada masa yang sama anak saya diuji sakit dan dimasukkan ke wad, saya terpaksa meninggalkan anak di hospital untuk turun padang ke kawasan yang terjejas akibat banjir pada jam 2 pagi.

Walauupun ketika itu anak saya memerlukan saya kerana isteri saya menjaga anak-anak yang lain di rumah, namun menyedari tanggungjawab dan amanah dipikul, dalam situasi tersebut, saya perlu mengutamakan nasib rakyat.

Dari jam 2 pagi hingga 8 pagi keesokan harinya, saya pergi ke kawasan seperti Taman Merdeka, Kampung Kolam, Limbongan, Malim dan Angkasa Nuri untuk mengetahui punca masalah banjir yang masih tiada penghujung.

Kemudian disambung lagi pada waktu berikutnya. Hasil turun padang itu kita dapat mengenal pasti punca masalah banjir dan sekarang masalah ini dapat dikurangkan.

Adakah masalah banjir dalam kawasan DUN Kesisiand telah selesai dan rakyat mendapat pembelaan sewajar-

nya?

Dulu bila hujan, penduduk hendak tidak lepas pun tidak boleh. Ada yang berpuhul tanah menghadapi masalah banjir namun sekarang kita boleh nam-pak perbezaannya.

Hinggaknya mangsa banjir berguru dengan saya, jangan terlalu berusaha keras selesaikan masalah ini supaya mereka masih boleh membuat tuntutan banjir.

Meskipun isu ini tidak dapat diselesaikan secara keseluruhan tetapi setidak-tidaknya ia dapat dikurangkan.

Setakat ini masalah banjir yang perlu diberikan perhatian ialah di Bertam Indah, yang mana ia merupakan kawasan tinggi namun tetap dinaiiki air disebabkan masalah saluran.

Keadaan longkang konkrit dan longkang tanah yang berbeza saiz menyebabkan kapasiti air banyak tidak dapat ditampung apabila hujan lebat, hingga melimpah ke atas jalan. Ini yang sedang kita usahakan dan fokuskan bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

**Selain masalah banjir, apakah isu lain yang dibangkitkan oleh rakyat?**

Masalah banjir di beberapa kawasan telah dapat dikurangkan dan sekarang ini saya melihat beberapa jalan utama seperti di persimpangan Pulau Gadong-

## PROFIL

Nama: Alex Seah Shoo Chin

Asal: Melaka

Tarikh lahir : 21 Mei 1983

Status: Berkahwin

Bilangan anak: 3

Kerjaya: Ahli politik

Jawatan :

- Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Melaka
- Setiausaha DAP Melaka



Cheng Height, aliran trafiknya begitu sesak terutama pada waktu puncak.

Keadaan ini menyebabkan penduduk dan pengguna terpaksa menunggu lama untuk lampu isyarat bertukar hijau.

Isu ini sering diadukan oleh mereka dan kita melihat terdapat cadangan untuk mengurangkan masalah kesesakan di persimpangan tersebut dengan mewujudkan pusinan U dalam menyelesaikan isu pengurusan trafik.

Saya berharap perancangan ini dapat diluluskan dan dipercepatkan kerana setiap hari lebih 10,000 kendaraan menggunakan laluan tersebut.

**Kesan kenaikan cukai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada 8 peratus kini dirasai khususnya oleh golongan B40, justeru apakah langkah kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat?**

Kerajaan Perpaduan yang telah wujud tidak pernah meminggirkan rakyat dan kita sentiasa merasai dorongan nadi mereka.

Disebabkan itu, Juulan Rahmah dan Juulan Agro MADANI diperluaskan di daerah-daerah di Melaka bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup rakyat. Tidak ketinggalan, Juulan Ihsan Ramah Back To School.

Cuma saya meletakkan hasrat, ada kaedah yang relevan dapat diperkenalkan supaya barang yang ditawarkan pada harga rendah ini dapat dibeli dan dimiliki rakyat tempatan khususnya golongan B40 dan bukannya oleh warga asing.

Kerajaan juga perlu memastikan sebarang peningkatan harga barang tidak akan membebani rakyat selepas pelaksanaan subsidi bersasar.

Itu tujuan kerajaan melaksanakan program jualan seumpama ini supaya

rakyat tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan makanan ruji seperti beras dengan harga berpatutan dan bukannya harga yang mengambil kesempatan.

Selaku Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, bagaimana YB melihat prestasi Kementerian Perdagangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka?

Saya melihat pasukan penguat kuasa KPDN Melaka begitu agreef dan sangat positif menjalankan tugas mereka dengan membuat pemantauan harga setiap hari di premis-premis jualan.

Usaha ini dilakukan bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga melampaui dalam keadaan sekarang.

Sepanjang Ramadan ini, penguat kuasa akan berkunjung ke pasar dan Bazar Ramadan untuk memantau harga barang jualan.

**Apakah pandangan YB terhadap Kerajaan Perpaduan di Melaka?**

Kerajaan Perpaduan di Melaka nam-pak sangat stabil dan kita di Pakatan Harapan (PH) boleh bekerjasama dengan semua pihak termasuk MCA, MIC dan juga UMNO.

Tiada sebarang isu mengugut hubungan yang terjalin di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Masing-masing juga memberikan komitmen dalam menjalankan tugas.

Malah pelabur luar termasuk dari negara China merasai sendiri hal tuju Ketua Menteri dengan memberikan tumpuan kepada pembangunan, pelaburan, perindustrian dan ekonomi negeri ini.



Alex (kanan) ketika menziarahi seorang pesakit yang berkerusi roda baru-baru ini.

## Rising consumer protection

The Tribunal for Consumer Claims Malaysia is handling more compensation claims, thanks to increasing awareness on seeking redress against unscrupulous suppliers and service providers. Although disputes are being resolved in a quicker and less expensive way, consumers are being reminded to be wary against those out to cheat. >4

# A lesson for all

After a super mart chain apologised for its oversight in selling socks with the word Allah printed on it, individuals, groups and political leaders came out to ask for cool heads to prevail, saying the episode should teach all to be careful in dealing with religious sensitivities. > **See page 2**

## Zaid: KK Mart's explanation reasonable

> FROM PREVIOUS PAGE

Former Law Minister Datuk Zaid Ibrahim said it was unreasonable for Umno Youth "to make more unreasonable demands over the issue".

"Look at the demands of Umno Youth to KK Super Mart to strengthen their apology. How does one make a stronger apology?" he asked.

Zaid said the owner of KK Super Mart chain Datuk Seri Dr KK Chai had given his explanation over the controversy.

"His explanation appears reasonable to me. What gains or motives would a supermarket chain have to use the word Allah deliberately on a small part of its stock?" he asked.

He urged Umno Youth to think through the matter carefully. Saying that they would take dras-

tic action unless KK Super Mart puts up banners apologising in all its 188 stores strike me as a bullying and humiliating tactic, not so much as to get an apology," he added.

On Saturday night, Umno Youth demanded that banners be hung at all 881 of KK Super Mart's outlets nationwide apologising over the controversial socks issue.

Umno Youth chief Dr Muhamad Akmal Saleh said they would resort to more "drastic" action if such an apology was not forthcoming within 48 hours.

"We will not brook any nonsense on this matter and will teach them a lesson on this unacceptable behaviour," said Muhamad Akmal after lodging a police report against KK Super Mart with Jasin Umno division members.

He said the convenience store chain should be investigated over

the issue and told Umno Youth members nationwide to lodge police reports over the incident.

In a statement on its Facebook page on Friday, the company apologised and said that it had stopped the sale of the socks.

"We regret the incident and take this seriously," read the statement, which went on to explain that the socks were part of a consignment product from a vendor.

"We have contacted the vendor for further explanation. KK Super Mart also thanks the public for their comments on the matter.

"We apologise once again and will ensure this does not happen again," it said.

The company also published an apology from the vendor, Xin Jian Chang Sdn Bhd from Batu Pahat in Johor, which admitted its mistake.

"We deeply regret this incident, and admit our mistake in not carefully inspecting the product procured from China. We will be more careful and sensitive in the future.

"We apologise to all Muslims and also KK Supermart & Superstore Sdn Bhd," said the vendor, referring to the company that operates the 24-hour KK Super Mart chain.

The post has since received over a thousand comments and shares, with mixed reactions from users.

The convenience store chain also submitted a letter to the Home Ministry, Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (religious affairs) and religious authorities to explain itself.

# Tribunal gives hope to consumers

Poor home renovations, umrah packages and faulty goods top list of complaints

By TEH ATHIRA YUSOF  
[tehathirayusof@thestar.com.my](mailto:tehathirayusof@thestar.com.my)

**PETALING JAYA:** Complaints involving house renovations, umrah travel packages and electrical appliances topped the list of claims at the Tribunal for Consumer Claims Malaysia (TCCM) last year.

TCCM secretary Nor Hafizah Haron said claims on renovations accounted for 808 cases, followed by 740 and 477 cases on the travel packages and electrical appliances, respectively.

Claims on house renovations were a constant feature over the past three years, topping the list with 757 cases in 2022 and 427 in 2021.

Nor Hafizah said in 2022, the

other main claims involved electrical products and vehicle repairs at 442 and 388 cases, respectively.

"Electrical products and mobile phones were also in the top three list of claims in 2021 at 306 and 265 cases respectively," she told *The Star*.

Set up in November 1999, TCCM provides consumers with an alternative to civil courts for speedy redress at minimal cost.

Nor Hafizah said in 2023, it awarded a total of RM26.8mil in claims filed, followed by RM9.2mil in 2022 and RM6.4mil in 2021.

She said some of the other common claims filed involved mobile phones and vehicle repairs.

She also said consumers could file claims for products and ser-

vices if they were for personal use.

Under the products category, claims could be made for items such as mobile phones, jewellery, electrical appliances, furniture, vehicle spare parts and computers, she added.

"For the services category, consumers can file cases involving vehicle repairs, house renovation, employment, tourism agencies, wedding packages and so on," she said.

In 2023, TCCM handled 11,426 cases, compared with 10,525 in 2022 and 7,422 cases in 2021.

The biggest claim awarded to a consumer last year was RM50,000, although TCCM declined to elaborate. The smallest claim awarded last year amounted to RM9.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat dituduh di Mahkamah Sesyen Jernayah dengan lima pertuduhan berasingan kerana menggunakan harta syarikat tanpa persetujuan mesyuarat agung bagi mendapatkan manfaat bagi diri sendiri.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam satu kenyataan berkata, berdasarkan kertas pertuduhan, Mohd Khasyful Azim Abd Khalit tanpa persetujuan di dalam mesyua-

## Pengarah nafi lima tuduhan guna harta syarikat

**"Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kelima-lima pertuduhan sebaik pertuduhan dibacakan"**

rat agung syarikat Infinite Sdn Bhd menggunakan harta syarikat melalui lima transaksi pin-

dahan wang semuanya berjumlah RM7,899 dari akaun bank syarikat ke akaun persendirian bagi mendapatkan secara langsung manfaat bagi diri sendiri.

Kenyataan itu berkata, Mohd Khasyful Azim dijakwa mengikut Seksyen 218(1)(a) Akta Syarikat 2016 yang memperuntukkan bahawa seseorang pengarah atau pegawai

syarikat tidak boleh, tanpa persetujuan atau ratifikasi suatu mesyuarat agung menggunakan harta syarikat bagi mendapatkan secara langsung sesuatu manfaat bagi dirinya sendiri.

"Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kelima-lima pertuduhan sebaik pertuduhan dibacakan. Hakim Norina Zainol Abidin menetapkan i April

ini untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen pihak pendakwaan," kata-

nya semalam.

Menurut SSM, pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa SSM, Najia Abdul Razak manakala tertuduh diwakili oleh Syamil Othman.

"SSM mengambil tindakan perundangan seumpama ini sebagai satu bentuk peringatan kepada ko-

muniti korporat dan orang awam bahawa tindakan penguatkuasaan akan diambil jika berlaku pelanggaran undang-undang yang dikawal selia oleh SSM. "Ini bagi memastikan sikap tadbir urus korporat dan pematuhan undang-undang syarikat sentiasa diamalkan oleh warga korporat dan komuniti perniagaan di Malaysia," katanya.



# Tindakan segera cegah kartel warga asing tentukan harga sayur

Kebun sayur diusahakan pendatang asing yang didakwa semakin meluas serta menguasai rantai perbekalan hasil tani, dikhuatiri membentuk kartel sayur sehingga boleh memberi kesan terhadap sekuriti dan keterjaminan makanan negara. Ahli ekonomi dan persatuan peniaga bimbang, mereka turut menguasai logistik, pengedaran dan penentu harga di pasar borong, selain mula bertapak dalam rantai sektor pembinaan dan elektrikal.

Oleh Mahani Ishak → Nasional 5

# ‘Sekuriti, keterjaminan makanan negara berisiko’

Pendatang asing mampu bentuk kartel, kuasai rantaian bekalan

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kebun sayur diusahakan pendatang asing yang didakwa semakin meluas, sama dengan penguasaan golongan itu dalam rantaian perbekalan hasil tanaman berkenaan, dikhawatirkan membentuk kartel sayur di Malaysia.

Andai saiz kebun haram makin bertambah, sekuriti dan keterjaminan makanan negara boleh terancam berikutan kebergantungan sangat tinggi kepada pengusahaan dan tenaga kerja asing dalam rantaian daripada peringkat kebun, logistik, pengedaran hingga pasar borong.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Shazwan Mokhtar, berkata kelompongan undang-undang sedia ada sebenarnya membuka ruang kepada isu itu.

“Pendatang sewa tanah orang tempatan untuk buka kebun, sebahagian lagi ceroboh tanah kerajaan atau persendirian. Kebanjiran petani asing ini membentuk rangkaian dan mula menembusi kitaran bekalan makanan hingga gugat kemandirian petani tempatan.

“Misalnya, dengan kos operasi murah rentetan aktiviti pertanian haram serta tindakan mereka guna racun serangga murah dan berbahaya, hasil pertanian lebih murah dapat ditawarkan kepada pasaran.

“Mereka juga berupaya berhubung terus dengan peniaga, ini tak beri kelebihan kepada petani tempatan yang terikat dengan pematuhan dan syarat ketat ditetapkan pihak berwajib,” katanya kepada BH, semalam.

Semalam, akhbar ini dalam laporan muka depan, melaporkan warga Bangladesh, Indonesia dan Rohingya menguasai industri sayur di negara ini dengan membuka anggaran 1,000 hektar kebun sayur haram di selatan Semenanjung.

Kegiatan itu paling banyak dikesan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Perak, terutama Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan kebun haram di setiap negeri antara 50 hingga 100 hektar.

Mohd Shazwan berkata, penerokaan tanah secara haram disebabkan kurang kesedaran pemilik tanah tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi berimpak tinggi, lalu menyewakannya.

“Jadi perkara berkaitan undang-undang tanah perlu diperketatkan kerana jika bidang kua-

**Warga Bangladesh, Indonesia, Rohingya kuasai industri s...**



Keratan akhbar BH, semalam.

sa pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya terbatas dengan tawaran kompaun atau tindakan mahkamah, masalah sama tetap akan berulang.

“Penguatkuasaan undang-undang peringkat PBT atau Pejabat Tanah perlu dinilai semula kerana ia turut berkait isu ketirisan dan rasuah. Pihak berkuasa tak boleh bergantung laporan atau aduan orang ramai semata-mata, kena turun padang lebih kerap,” katanya.

Tegasnya, kebanjiran warga asing dalam rantaian perbekalan sayur perlu dikawal oleh agensi kerajaan berkaitan supaya sektor makanan negara dapat diperkuuh dan tidak lagi terlalu bergantung pada hasil ta-



Mohd Shazwan

ni yang dimport.

“Ini penting kerana ia bukan sahaja menjamin bekalan makanan, tetapi memastikan harga makanan mampu dibeli rakyat tempatan,” katanya.

## Funtut tindakan segera

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata kerajaan perlu bertindak segera bagi mengelakkan warga asing terus kuasai industri sayur negara.

Katanya, warga asing wujud pada semua peringkat rantaian bekalan kerana mereka pelajar, pengeluar, penggerak pengangkutan dan pengedaran, logistik sehingga jualan di pasar borong.

“Jika tiada tindakan segera dalam masa terdekat, mereka boleh membentuk kartel dan ia menyukarkan penyelesaian kepada isu sekuriti makanan dihadapi negara pada ketika ini,” katanya.

Katanya, ketika ini harga sayur sudah meningkat 25 peratus akibat pembatalan kuota pekerja asing dan akan diburukkan lagi apabila industri dimonopoli pekebun haram yang bukan warganegara.

Pensyarah ekonomi di Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff ber-setuju kerajaan perlu bertindak segera memastikan pembabitan warga asing dan rantaian perbekalan sayur negara dilumpuhkan dan kebun haram dihapuskan.

“Perlu pastikan warga asing tidak lagi sewenang-wenangnya buka kebun sayur. Seterusnya, bongkar rangkaian kartel kerana ini akan jejas pendapatan pekebun tempatan dan dalam jangka panjang boleh ancam keterjaminan makanan negara,” katanya.

# Pendatang kuasai pelbagai rantaian perniagaan

**Kuala Lumpur:** Pendatang asing di negara ini diaukui makin kuat bertapak dalam rantai perniagaan, bukan setakat sektor pertanian terutama sayur-sayuran yang kian dikuasai mereka dari peringkat kebun hingga pasar borong.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, ber kata warga asing yang pada mulanya bekerja dengan warga tempatan, makin aktif dalam perniagaan lain, antaranya pembinaan, elektrik dan kenderaan.

"Ini seperti sel kanser, jika tak dikawal, tak mustahil warga asing kuasai ekonomi negara kita dan beri ancaman buat usahawan tempatan. Pengguna pula lebih cenderung dapatkan khidmat mereka kerana caj lebih murah," katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam sektor pertanian, Rosli memberi contoh di Cameron Highlands, banyak kebun sayur di kawasan itu disewakan kepada warga asing yang mulanya bekerja dengan pekebun tempatan.

"Contohnya di Cameron Highlands, kebanyakan warga Bang-

ladesh ambil alih tanah orang tempatan menanam sayur.

Disember lalu, pihak berkusa menyerbu Jalan Silang di ibu negara kawasan menempatkan gerai dan perniagaan dikuasai warga asing terutama Bangladesh yang menawarkan pelbagai khidmat dan produk, hingga mendapat jolokan 'Little Dhaka'.

Pendatang yang sebelumnya lebih ramai bekerja atau 'berniaga' dalam pelbagai jenis perkhemahan, terutama restoran atau cuci kenderaan semakin lama berubah menjadi majikan.

Perniagaan lain yang semakin ramai membabitkan warga asing terutama Bangladesh di Malaysia ialah rumah penginapan atau 'homestay' mewah, terutama di bandar besar.

Pada 2018, *BH* melakukan tinjauan serta intipan di sekitar ibu negara dan melalui maklumat dikumpul daripada pelbagai sumber, warga asing biasanya bergerak berkumpulan untuk urus pulihun kediaman seperti suite, apartmen dan kondominium.

Mereka dipercayai menjana keuntungan bulanan cecah pulu-

han ribu ringgit, namun tidak membayar cukai.

Rosli berkata, kegiatan warga asing yang masuk sebagai pekerja, terutama dalam sektor 3D (kotor, bahaya, sukar) dalam perniagaan sebenarnya sudah lama bermula, sudah berpuluhan tahun, namun kerajaan didakwa tidak tegas menangannya.

"Agensi berkaitan perlu bertindak, kawal kemasukan dan pastikan syarikat bawa masuk pekerja asing hantar mereka pulang selepas tamat tempoh visa atau permit kerja," katanya.

## Minta kena tindakan lebih tegas

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa bertindak tegas terhadap penda- tang asing yang mengusahakan kebun sayur secara haram atau apa-apa perniagaan bertentangan dengan kelulusan diberikan ketika mereka memohon masuk ke negara ini.

Melalui ruangan komen di Facebook *BH*, rata-rata warga maya berpandangan pendatang asing tidak sepatutnya dibiar bebas melakukan aktiviti itu kerana mereka dibawa masuk ke Malaysia bukan untuk bantu ran- cakkan ekonomi negara dengan cara demikian.

Nash Nasir berpendapat, mereka dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor perladangan, sebaliknya melaikkan diri dan kemudian mengusahakan kebun sayur sebegini besar sehingga negara kekurangan pekerja.

Bagi Azm Zma Man, tiada tin- dakan tegas dikenakan terhadap pekerja asing yang lari daripada bekerja dalam sektor dibenar- kan, menyebabkan mereka boleh berbuat sesuka hati di sini.

“Sudah lari daripada perjan- jian asal, warga asing hanya be- kerja dalam sektor pembinaan, perladangan, perkilangan, orang gaji dan sebagainya. Kalau ne- gara lain, mesti akan dikenakan tindakan tegas”.

Terdapat juga kecaman terha- dap agensi penguatkuasaan yang didakwa membiarkan kumpulan warga asing melakukan perbuatan salah di sisi undang-undang, termasuk Nour Eija yang menyifatkan ia adalah pengkhianatan kepada negara.

“Soalan: Siapa bagi tanah utk bercucuk tanam?” tanya Amirzua Bin Ahmad Said, manakala warga maya lain mencadangkan *BH* menyiasat lokasi lain yang mungkin menjalankan aktiviti serupa seperti di Johor.

“Minta *BH* bongkar lokasi lain pula, Cameron Highlands, Sekinchan, Johan Setia, Belah Perak pun ada,” menurut komen ber- kenaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 18 MAC 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Mar	Tiada tulisan 'non halal' minyak masak peket - KPDN	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654636/berita/semasa/tiada-tulisan-non-halal-minyak-masak-peket---">https://www.sinarharian.com.my/article/654636/berita/semasa/tiada-tulisan-non-halal-minyak-masak-peket---</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	Sijil pengesahan halal tamat tempoh sebenarnya	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070231/sijil-pengesahan-halal-tamat-tempoh-sebenarnya">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070231/sijil-pengesahan-halal-tamat-tempoh-sebenarnya</a>	HARIAN METRO
18-Mar	Minyak peket non halal rupanya sijil tamat tempoh	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/minyak-peket-non-halal-rupanya-sijil-tamat-tempoh/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/minyak-peket-non-halal-rupanya-sijil-tamat-tempoh/</a>	KOSMO
18-Mar	KPDN sahkan tiada tulisan 'non halal' pada peket minyak masak	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/15/kpdn-sahkan-tiada-tulisan-non-halal-pada-peket-minyak-masak/">https://malaysiagazette.com/2024/03/15/kpdn-sahkan-tiada-tulisan-non-halal-pada-peket-minyak-masak/</a>	MALAYSIA GAZETTE
18-Mar	KPDN sahkan tiada tulisan 'non halal' pada peket minyak masak	<a href="https://themalaytribune.com/kpdn-sahkan-tiada-tulisan-non-halal-pada-peket-minyak-masak/">https://themalaytribune.com/kpdn-sahkan-tiada-tulisan-non-halal-pada-peket-minyak-masak/</a>	THE MALAY TRIBUNE
18-Mar	Sijil pengesahan halal tamat tempoh sebenarnya	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/03/1070231/sijil-pengesahan-halal-tamat-tempoh-sebenarnya">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/03/1070231/sijil-pengesahan-halal-tamat-tempoh-sebenarnya</a>	HARIAN METRO
18-Mar	Kadar baharu cukai perkhidmatan: Peniaga berperanan tentukan harga	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654635/berita/nasional/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/654635/berita/nasional/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	"Random price survey shows price uptick with new SST rate but not for all goods"	<a href="https://www.nst.com.my/business/economy/2024/03/1025969/random-price-survey-shows-price-uptick-new-sst-rate-">https://www.nst.com.my/business/economy/2024/03/1025969/random-price-survey-shows-price-uptick-new-sst-rate-</a>	NEW STRAITS TIMES

18-Mar	Kadar Baharu SST: Peniaga Berperanan Tentukan Harga – Pakar	<a href="https://suarasarawak.my/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga-pakar/">https://suarasarawak.my/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga-pakar/</a>	SUARA SARAWAK
18-Mar	Kadar baharu cukai perkhidmatan: Peniaga berperanan tentukan harga	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2024/03/1223762/kadar-baharu-cukai-perkhidmatan-peniaga-berperanan-tentukan-harga">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2024/03/1223762/kadar-baharu-cukai-perkhidmatan-peniaga-berperanan-tentukan-harga</a>	BERITA HARIAN
18-Mar	Service tax may cost logistics sector its competitive edge, says think tank	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/15/service-tax-may-cost-logistics-sector-its-competitive-edge-says-think-tank">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/15/service-tax-may-cost-logistics-sector-its-competitive-edge-says-think-tank</a>	THE STAR
18-Mar	No sharp price hikes in Klang Valley following new service tax rate	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/15/no-sharp-price-hikes-in-klang-valley-following-new-sst-rate/">https://www.theborneopost.com/2024/03/15/no-sharp-price-hikes-in-klang-valley-following-new-sst-rate/</a>	THE BORNEO POST
18-Mar	Kadar baharu SST: Peniaga berperanan tentukan harga - Pakar	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga-pakar-462432">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-baharu-sst-peniaga-berperanan-tentukan-harga-pakar-462432</a>	ASTRO AWANI
18-Mar	KADAR BAHARU CUKAI PERKHIDMATAN: PENIAGA BERPERANAN TEN-TUKAN HARGA - PAKAR	<a href="https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2279379">https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2279379</a>	BERNAMA
18-Mar	Kadar baharu cukai perkhidmatan: Peniaga berperanan tentukan harga	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2024/03/1223762/kadar-baharu-cukai-perkhidmatan-peniaga-berperanan-tentukan-harga">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2024/03/1223762/kadar-baharu-cukai-perkhidmatan-peniaga-berperanan-tentukan-harga</a>	BERITA HARIAN
18-Mar	Pengedaran Beras Putih Tempatan meningkat tiga peratus - Mohamad Sabu	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1223809/pengedaran-beras-putih-tempatan-meningkat-tiga-peratus-mohamad-sabu">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1223809/pengedaran-beras-putih-tempatan-meningkat-tiga-peratus-mohamad-sabu</a>	BERITA HARIAN
18-Mar	Lima warga Filipina dipenjara simpan barang kawalan	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/lima-warga-filipina-dipenjara-simpan-barang-kawalan/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/lima-warga-filipina-dipenjara-simpan-barang-kawalan/</a>	BULETIN TV3
18-Mar	Lima sekeluarga dipenjara kerana simpan barang kawalan	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070250/lima-sekeluarga-dipenjara-kerana-simpan-barang-kawalan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070250/lima-sekeluarga-dipenjara-kerana-simpan-barang-kawalan</a>	HARIAN METRO
18-Mar	Pemilik stesen minyak hentian R&R mengaku jual RON95 kepada warga Thailand	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070300/mengaku-salah-jual-petrol-subsidi-pada-warga-asing">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070300/mengaku-salah-jual-petrol-subsidi-pada-warga-asing</a>	HARIAN METRO

18-Mar	Pemilik stesen minyak hentian R&R mengaku jual RON95 kepada warga Thailand	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654697/berita/semasa/pemilik-stesen-minyak-hentian-rr-mengaku-jual-ron95-kepada-warga-">https://www.sinarharian.com.my/article/654697/berita/semasa/pemilik-stesen-minyak-hentian-rr-mengaku-jual-ron95-kepada-warga-</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	Pemilik stesen minyak mengaku salah jual RON95 kepada warga asing	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1223869/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1223869/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-</a>	BERITA HARIAN
18-Mar	Pemilik stesen minyak didakwa jual RON95 kepada warga asing	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070292/pemilik-stesen-minyak-didakwa-jual-ron95-kepada-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070292/pemilik-stesen-minyak-didakwa-jual-ron95-kepada-</a>	HARIAN METRO
18-Mar	Pemilik stesen minyak mengaku salah jual RON95 kepada warga asing	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-kepada-warga-asing/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-kepada-warga-asing/</a>	BULETIN TV3
18-Mar	Pemilik stesen minyak mengaku salah jual RON95 kepada kenderaan asing	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-kepada-kenderaan-">https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/pemilik-stesen-minyak-mengaku-salah-jual-ron95-kepada-kenderaan-</a>	KOSMO
18-Mar	Guna dua nozel isi diesel bersubsidi, syarikat, stesen minyak berdepan tindakan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guna-dua-nozel-isi-diesel-bersubsidi-syarikat-stesen-minyak-berdepan-tindakan-462473">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guna-dua-nozel-isi-diesel-bersubsidi-syarikat-stesen-minyak-berdepan-tindakan-462473</a>	ASTRO AWANI
18-Mar	Lelaki didenda RM7,000 kerana simpan minyak diesel di tempat tidak dibenarkan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/15/lelaki-didenda-rm7000-kerana-simpan-minyak-diesel-di-tempat-tidak-dibenarkan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/15/lelaki-didenda-rm7000-kerana-simpan-minyak-diesel-di-tempat-tidak-dibenarkan</a>	UTUSAN BORNEO
18-Mar	Minyak diesel untuk pasaran gelap disita	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654677/berita/semasa/minyak-diesel-untuk-pasaran-gelap-disita">https://www.sinarharian.com.my/article/654677/berita/semasa/minyak-diesel-untuk-pasaran-gelap-disita</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	1,137 liter diesel sekali isi masuk tangki	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/stesen-minyak-disyaki-seleweng-minyak-">https://www.kosmo.com.my/2024/03/15/stesen-minyak-disyaki-seleweng-minyak-</a>	KOSMO

18-Mar	Jepak rep: Don't sell 'karipap angin', stale food at Ramadan bazaars	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/15/jepak-rep-dont-sell-karipap-angin-stale-food-at-ramadan-bazaars/">https://www.theborneopost.com/2024/03/15/jepak-rep-dont-sell-karipap-angin-stale-food-at-ramadan-bazaars/</a>	THE BORNEO POST
18-Mar	Pertuduhan terhadap pengarah FGP Ventures ditarik balik	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pertuduhan-terhadap-pengarah-fgp-ventures-ditarik-balik-462470">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pertuduhan-terhadap-pengarah-fgp-ventures-ditarik-balik-462470</a>	ASTRO AWANI
18-Mar	Pertuduhan terhadap Pengarah FGP Ventures ditarik balik	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654692/berita/semasa/pertuduhan-terhadap-pengarah-fgp-ventures-ditarik-balik">https://www.sinarharian.com.my/article/654692/berita/semasa/pertuduhan-terhadap-pengarah-fgp-ventures-ditarik-balik</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	Pertuduhan terhadap Pengarah FGP Ventures ditarik balik	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2279411">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2279411</a>	BERNAMA
18-Mar	Isu stoking bertulis Allah tak boleh dipandang remeh - Na'im	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/699703">https://www.malaysiakini.com/news/699703</a>	MALAYSIA KINI
18-Mar	'Allah' socks: Give authorities trust to conduct investigation, says minister	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/17/allah-socks-give-authorities-trust-to-conduct-investigation-says-minister/124020">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/17/allah-socks-give-authorities-trust-to-conduct-investigation-says-minister/124020</a>	MALAY MAIL
18-Mar	Home / National News	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230788/allah-socks-give-authorities-trust-to-conduct-investigation-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230788/allah-socks-give-authorities-trust-to-conduct-investigation-/</a>	DAILY EXPRESS
18-Mar	ISU STOKIN KALIMAH ALLAH: BERI KEPERCAYAAN PIHAK BERKUASA JALANKAN SIASATAN - MOHD NA'IM	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2280062">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2280062</a>	BERNAMA
18-Mar	Stoking tertera kalimah ALLAH: Beri kepercayaan pihak berkuasa jalankan siasatan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/655054/berita/nasional/stoking-tertera-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan">https://www.sinarharian.com.my/article/655054/berita/nasional/stoking-tertera-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan</a>	SINAR HARIAN
18-Mar	Isu stoking kalimah Allah: Beri kepercayaan pihak berkuasa jalankan siasatan - Mohd Na'im	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-stoking-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-naim-462752">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-stoking-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-naim-462752</a>	ASTRO AWANI
18-Mar	Isu stokin kalimah Allah: Beri kepercayaan pihak berkuasa jalankan siasatan - Mohd Na'im	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/17/isu-stokin-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-naim/">https://malaysiagazette.com/2024/03/17/isu-stokin-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-naim/</a>	MALAYSIA GAZETTE

18-Mar	Isu stokin kalimah Allah: Beri kepercayaan pihak berkuasa jalankan siasatan – Mohd Na'im	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/isu-stokin-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-na-im-CD12227577">https://thesun.my/cerita/berita/isu-stokin-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-na-im-CD12227577</a>	THE SUN
18-Mar	Lelaki warga emas direman dua hari, seludup petrol dan diesel ke Thailand	<a href="https://malaysiaqa-zette.com/2024/03/17/lelaki-warga-emas-direman-dua-hari-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand/">https://malaysiaqa-zette.com/2024/03/17/lelaki-warga-emas-direman-dua-hari-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand/</a>	MALAYSIA GAZETTE
18-Mar	Lelaki warga emas direman dua hari, seludup petrol dan diesel ke Thailand	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/lelaki-warga-emas-direman-dua-hari-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand-DD12227141">https://thesun.my/cerita/berita/lelaki-warga-emas-direman-dua-hari-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand-DD12227141</a>	THE SUN
18-Mar	Lelaki warga emas direman dua hari, seludup petrol dan diesel ke Thailand	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2280012">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2280012</a>	BERNAMA
18-Mar	Senior citizen caught in petrol, diesel smuggling attempt in Kelantan	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/17/senior-citizen-caught-in-petrol-diesel-smuggling-attempt-in-kelantan/123988">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/17/senior-citizen-caught-in-petrol-diesel-smuggling-attempt-in-kelantan/123988</a>	MALAY MAIL
18-Mar	Warga emas direman, seludup petrol dan diesel ke Thailand	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071098/warga-emas-direman-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071098/warga-emas-direman-seludup-petrol-dan-diesel-ke-thailand</a>	HARIAN METRO